

**Dr M turun sokong Mukhriz di Ayer Hitam, kuatkan spekulasi calon MB  
Malaysian Insider  
April 20,2013  
Oleh Syed Jamal Zahiid**

ALOR SETAR, 20 April — Datuk Mukhriz Mahathir mendapat sokongan daripada bapanya Tun Dr Mahathir Mohamad dalam misi untuk merampas kerusi dewan undangan negeri (DUN) Ayer Hitam pada pilihan raya umum ke-13 (PRU13), sekaligus menguatkan spekulasi calon menteri besar (MB) negeri Kedah.

Pada penamaan calon hari ini, kehadiran Mukhriz diiringi bekas perdana menteri Dr Mahathir dan ibunya Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali semasa pendaftaran yang diadakan di Sekolah Sains Kubang Pasu hari ini.

“Saya akan berkempen bukan hanya untuk anak saya, tapi juga untuk seluruh parti.

“Walaupun ada pemimpin Umno yang bermusuhan dengan saya, saya akan tetap berkempen kepada dia,” kata Dr Mahathir kepada wartawan pada pagi ini.

Mukhriz sebelum ini bertanding di kerusi Parlimen Jerlun dan memenangkannya pada 2008, tetapi membuat keputusan mengejut berpindah ke kerusi DUN Ayer Hitam.

Lawan Mukhriz pada pilihan raya kali ini ialah Abdul Ghani Ahmad yang merupakan seorang tokoh agama tempatan di kawasan tersebut.

“Saya gembira kerana pertandingan kali ini satu lawan satu,” kata Mukhriz.

Dalam pada itu, Dr Mahathir juga meramalkan BN Kedah mampu mencipta kejutan dan merampas kembali negeri tersebut, malah melihat anaknya juga mempunyai peluang cerah.

“Nampak begitu semangat macam BN dulu, jumlah besar... saya harap waktu mengundi semua pengundi akan keluar.

“Tentang peluang Mukhriz, saya tengok peluang dia cerah sikit,” katanya.

Apabila ditanya tentang spekulasi mengatakan Mukhriz sebagai calon MB, Dr Mahathir berkata keputusan penuh masih ditangan Pengerusi BN Datuk Seri Najib Razak dan beliau tidak berhak untuk tentukannya.

“Itu tidak tahu lah. Itu Najib punya masalah, saya ikut sahaja apa yang dia kata,” tambah Dr Mahathir lagi.

Bagi kerusi Parlimen Jerlun, calon BN Datuk Othman Aziz akan berhadapan dengan Datuk Dr Ismail Salleh dari PAS manakala bagi kerusi DUN Kota Siputeh dalam parlimen sama menyaksikan calon BN Datuk Abu Hasan Sharif akan berhadapan calon PAS, Ismail Wan Teh.

Dalam pada itu, Mukhriz sejurus selepas penamaan calon terus memeluk kedua ibu bapanya dan menitiskan air mata.

Pada Pilihan Raya 2008, kerusi Ayer Hitam terlepas daripada BN selepas Othman tewas kepada calon PAS yang sama dengan majoriti 506.

Perlumbaan jawatan MB Kedah berada di kemuncak, namun Pengerusi Barisan Nasional (BN) negeri Datuk Ahmad Bashah mengambil langkah selamat mengabaikannya tetapi Mukhriz sering mendapat perhatian media yang lebih berbanding Ahmad Bashah.

Pada 2008, negeri Kedah buat kali pertama dalam sejarah jatuh kepada pembangkang PAS, PKR dan DAP yang kemudiannya menubuhkan Pakatan Rakyat (PR).

Dalam pilihan raya lalu, PAS menguasai 16 kerusi DUN Kedah diikuti BN dengan 14, PKR 3 dan DAP (1) dan dua wakil rakyat Bebas, yang sebelum ini merupakan anggota DUN PKR.

Daripada 15 kerusi parlimen di negeri tersebut, PAS menang enam kerusi, PKR menang lima kerusi dan selebihnya dimenangi oleh BN.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/dr-m-turun-sokong-mukhriz-di-ayer-hit-am-kuatkan-spekulasi-calon-mb/>